

LATAR BELAKANG SYARIKAT

STARZA CORPORATION SDN BHD (STARZA) merupakan sebuah syarikat penyedia latihan korporat Bumiputra yang terbesar di Malaysia. STARZA adalah sebuah syarikat penyedia latihan yang memfokus kepada pembangunan modal insan di Malaysia. Syarikat ini menyediakan latihan berbentuk "Soft Skills" dan mengkhusus kepada latihan yang berasaskan motivasi, kebudayaan keagamaan, kajian jantina dan juga pembangunan diri. Starza juga telah banyak melatih pegawai-pegawai di agensi kerajaan, syarikat-syarikat dan organisasi korporat di Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

PELAKSANAAN PROGRAM INTEGRASI, PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN)

Starza telah diberi peluang untuk bekerjasama dengan pihak Jabatan Latihan Khidmat Negara untuk melaksanakan Program Integrasi, PLKN selama 5 hari di 80 buah kem PLKN di seluruh Malaysia. Program Integrasi ini meliputi Modul Kebudayaan, Modul Keagamaan dan Modul Peranan Lelaki dan Perempuan. Program Integrasi ini juga dilaksanakan 3 kali setahun.

OBJEKTIF INTEGRASI PROGRAM PERLAKSANAAN PLKN

Program Integrasi ini diwujudkan bertujuan untuk mempertingkatkan keberkesanan proses perpaduan dan pembelajaran dari segi budaya, agama dan jantina antara kaum di Malaysia kepada pelatih PLKN. Berikut adalah merupakan objektif Program Integrasi ini diwujudkan :

- Pelatih dapat memahami mengenai aspek kebudayaan, keagamaan dan perbezaan antara lelaki dan wanita dan seterusnya memantapkan lagi semangat perpaduan di antara kaum di Malaysia;
- Meningkatkan keharmonian, menghindarkan perselisihan perkauman, diskriminasi dan menghormati agama yang dianuti oleh kaum-kaum lain;
- Proses perpaduan pelatih boleh dipercepatkan kerana pelatih mengenali dan memahami serta sentiasa berinteraksi bersama-sama pelatih dan Penceramah Jemputan.

Nota: Adalah diingatkan bahawa Program Integrasi ini hanyalah memberikan pemahaman tambahan berkaitan dengan silang agama, silang budaya dan silang jantina bagi setiap kaum. Ia bukan merupakan medan untuk mempertikaikan kelebihan atau kekurangan bagi soal agama, budaya dan jantina bagi kaum masing-masing!.

TAWARAN UNTUK MENJAWAT JAWATAN SEBAGAI PENCERAMAH JEMPUTAN PROGRAM INTEGRASI (SEPARUH MASA) SERAMAI 660 ORANG DI SELURUH MALAYSIA

STARZA ingin menawarkan jawatan Penceramah Jemputan (separuh masa) di semua Kem Latihan PLKN (80 kem latihan) di seluruh Malaysia di bawah Jabatan Latihan Khidmat Negara, Kementerian Pertahanan Malaysia. Kami memerlukan 8 Penceramah Jemputan bagi setiap kem. Setiap kem dijangkakan mempunyai kira-kira 400 pelatih. Ini bermakna setiap Penceramah Jemputan akan mengendalikan kira-kira 50 pelatih. Pengambilan sebagai penceramah jemputan (separuh masa) ini adalah dibuka sepanjang tahun.

Jawatan ini adalah terbuka kepada semua kakitangan awam, swasta, pusat pengajian tinggi, freelancer, pesara dan lain-lain. Untuk makluman, para **JURULATIH PLKN SEPENUH MASA** adalah **TIDAK LAYAK MEMOHON** bagi jawatan ini.

Kriteria kelayakan sebagai Penceramah Jemputan (Separuh Masa) adalah seperti berikut :

- Kelayakan minimum adalah Ijazah/Master/PhD
- Berumur antara 23 tahun – 59 tahun
- Matang dan mempunyai kemahiran penyampaian yang baik
- Boleh mengajar dengan menggunakan Bahasa Melayu
- Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam mengajar subjek kebudayaan, keagamaan, peranan lelaki dan perempuan, pendidikan moral adalah satu kelebihan

TANGGUNGJAWAB PENCERAMAHJEMPUTAN (SEPARUH MASA)

- Mengajar Modul Kebudayaan, Modul Keagamaan dan Modul Peranan Lelaki dan Perempuan kepada para wira dan wirawati (pelatih PLKN) di kem-kem latihan PLKN di seluruh Malaysia bagi;
- Memastikan para pelatih PLKN dapat meningkatkan pemahaman bagi subjek yang diajar dan objektif pengenalan Program Integrasi, PLKN tercapai

KURSUS TRAIN OF TRAINER (TOT)

Semua Penceramah Jemputan (separuh masa) adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi "Train of Trainer" (TOT) yang dianjurkan oleh pihak STARZA pada masa dan tarikh yang ditetapkan. Kegagalan para Penceramah Jemputan menghadiri sesi TOT akan menyebabkan jawatannya dilucutkan secara serta merta dan tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan terhadap yuran penceramah / tuntutan perjalanan.

Objektif kursus TOT ini adalah untuk :

- Memberi pendedahan kepada bakal penceramah jemputan Program Integrasi tentang suasana kem, protokol yang harus dipatuhi, arahan tetap dan sebagainya supaya jurulatih dapat membuat persediaan awal sebelum ke kem.

- Memberi latihan, bimbingan dan garis panduan tentang teknik dan kemahiran kepada jurulatih untuk mengajar pelatih dengan berkesan dan menarik dari segi aktiviti, LDK dan sebagainya.

Sesi "Train of Trainer" (TOT) akan diadakan mengikut Zon Utara, Selatan, Tengah, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak. Penceramah Jemputan boleh memilih zon yang berdekatan untuk menghadiri sesi TOT dan mengajar di kem pilihan PLKN. (Sila rujuk kepada Borang Permohonan, Maklumat Kem-kem Latihan PLKN dan Pusat-pusat TOT)

WAKTU BERKHIDMAT

8.30 pagi – 5.30 petang (Masa boleh berubah mengikut jadual waktu yang disusun oleh Kem Komandan bagi setiap kem)

PENGINAPAN DAN MAKAN MINUM SEMASA LATIHAN

Penceramah Jemputan diberikan pilihan sama ada menginap di dalam kem di sepanjang tempoh latihan atau tinggal di rumah sekiranya rumah adalah berdekatan dengan kem. Semua kos penginapan dan makan minum semasa sesi latihan di dalam kem akan dibiayai oleh pihak STARZA.

PENALTI GAGAL MELAPOR DIRI

Penalti atau Yuran Tanggungjawab sebanyak RM300 sehari akan dikenakan sekiranya Penceramah Jemputan gagal menghadiri sesi Train Of Trainer (TOT) dan melapor diri di kem yang telah ditetapkan selepas bersetuju menerima tawaran pihak syarikat dan selesai menghadiri sesi Train Of Trainer (TOT).

BORANG PERMOHONAN

Kepada sesiapa yang berminat, sila **download BORANG PERMOHONAN** untuk diisikan dan difakskan ke 03- 4289 5300 / 03- 4289 5397. Sila hubungi di talian 03- 4289 5200 untuk sebarang pertanyaan.